

Headline	Pendeposit TH kena realistik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jan 2019	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	10	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	117 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,124
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,372



## Pendeposit TH kena realistik

Setiap tahun, ada tiga pengumuman dinanti-nanti ramai rakyat negara ini - kadar pengagihan pendapatan Amanah Saham Bumiputera (ASB), dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan hibah Tabung Haji (TH). Bagi ASB, kadar bagi 2018 sudah diumumkan 21 Disember lalu, iaitu 6.5 sen seunit dan bonus 0.5 sen. Walaupun berdaya saing bersandarkan persekitaran ekonomi, terutama pasaran kewangan tahun lalu yang mencabar, ramai kecewa kerana lebih rendah berbanding tahun sebelum ini.

Kini pencaurum KWSP dan pendeposit TH pula menunggu pengumuman habuan. Seperti biasa harapan mereka tentu tinggi. Justeru, kenyataan Pengerusi KWSP dan Ketua Pegawai Eksekutif TH semalam yang membayangkan kemungkinan dividen atau hibah lebih rendah mungkin mengecewakan pencaurum serta pendeposit. Kita memahami perasaan mereka.

Namun, mereka juga perlu faham kadar pulangan yang boleh diagihkan ketiga-tiga agensi itu bergantung kepada pendapatan diraih. Tinggi pendapatan, tinggilah pulangan dan sebaliknya. Berikutan pendapatan agensi berkenaan diraih daripada pelaburan, maka prestasinya bergantung kepada keadaan pasaran dan ekonomi. Dalam keadaan ekonomi kurang memberangsangkan tentulah pendapatan diraih juga kurang, seterusnya memberi kesan kepada pengagihan pulangan.

Kita tentu tidak mahu melihat keadaan dalam memuaskan harapan pelabur, pencaurum dan pendeposit, agensi itu membayar pulangan tinggi walaupun hakikatnya tidak mampu. Jika ini berlaku ia bakal menjejaskan kemapanan agensi berkenaan, sekali gus boleh menjejaskan wang persaraan yang dicarum dalam KWSP.